



5 Mac 2019
5 March 2019
P.U. (A) 66

WARTAKERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN (PINDAAN) 2019

LICENSED LAND SURVEYORS REGULATIONS (AMENDMENT) 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958

PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN (PINDAAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 21(2) Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 [*Akta 458*], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2019**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2019.

Pindaan peraturan 26

2. Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 [*P.U. (A) 331/2011*], yang disebut sebagai “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini dipinda dalam peraturan 26 dengan memasukkan selepas subperaturan (7) subperaturan yang berikut:

“(8) Jika fi telah didepositkan dengan Lembaga dan juruukur tanah berlesen telah mendaftar kerja dengan Lembaga, juruukur tanah berlesen hendaklah dibayar tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada jumlah fi yang telah didepositkan dengan Lembaga sekiranya klien berniat untuk menamatkan perkhidmatan juruukur tanah berlesen sebelum bermulanya kerja lapangan.

Pindaan peraturan 29

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam peraturan 29 dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Bagi maksud perenggan (1)(g), tiap-tiap juruukur tanah berlesen tidak boleh mengenakan fi kurang daripada amaun fi minimum yang dinyatakan di bawah Susunan I hingga Susunan XIV.”.

Penggantian Jadual Ketiga Belas

4. Peraturan-peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga Belas dengan jadual yang berikut:

“JADUAL KETIGA BELAS

AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958

PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011

[Subperaturan 26(1)]

SKALA FI BAGI UKUR HAKMILIK

1. Fi ukur untuk ukur hakmilik hendaklah diklasifikasikan mengikut kategori penggunaan tanah seperti bangunan, pertanian, industri, perlombongan dan maksud lain.
2. Amaun fi ukur yang dianggarkan mengikut Susunan I hingga Susunan XI hendaklah didepositkan dengan Lembaga.
3. Bilangan lot, petak dan petak tanah yang baginya fi dikutip dan didepositkan dengan Lembaga hendaklah mengikut bilangan lot, petak dan petak tanah dalam pelan prahitungan yang diluluskan atau pelan bangunan yang diluluskan.
4. Semua fi yang boleh dikenakan di bawah Susunan I hingga Susunan XIV ialah fi minimum.
5. Bagi maksud Jadual ini, “bagi satu pasukan sehari” ertinya kerja yang dilakukan dalam sehari atau sebahagian daripadanya oleh suatu pasukan ukur.

SUSUNAN I

Pengukuran tanah untuk bangunan

1. Susunan ini memperuntukkan fi untuk pengukuran tanah bagi bangunan. Bagi maksud pengukuran tanah, tanah bangunan diklasifikasikan seperti yang berikut:
 - (a) tanah bagi maksud kediaman, seperti rumah kediaman, rumah pangsa, pangsapuri dan kawasan lapang untuk rekreasi;
 - (b) tanah bagi maksud komersial, seperti pembangunan bercampur bagi maksud komersial dan kediaman, rumah kedai, panggung wayang, kompleks, hotel, asrama, stesen minyak, pejabat, taman peringatan, taman tema, kawasan lapang bagi maksud rekreasi termasuklah padang golf dan pembangunan yang bermatlamatkan keuntungan;
 - (c) tanah bagi maksud industri, seperti pembangunan bercampur untuk industri dan lain-lain, kilang, loji, bengkel, kilang pengisar, kilang pencetakan, foundri, pencawang elektrik, rumah pam, loji pembersih pembetulan dan kolam oksidasi.
2. Tanah bagi maksud lain, yang tidak diklasifikasikan di bawah perenggan 1, hendaklah tertakluk kepada Susunan VII.
3. Fi ukur yang boleh dicaj di bawah Susunan ini bagi setiap kerja hendaklah terdiri daripada caj yang berikut dan terpakai bagi kawasan bandar dan luar bandar. Fi ini juga terpakai bagi pengukuran semula untuk peletakan semula tanda sempadan bagi mana-mana jenis tanah yang diklasifikasikan di bawah perenggan 1:
 - (a) caj asas bagi setiap kerja ialah RM2,600.00;

- (b) caj bagi perundingan profesional ialah 10% daripada caj di bawah subperenggan 3(c), (d) dan (e), jika terpakai;
- (c) caj bagi penyediaan pelan prahitungan atau pelan penyempadanan ialah RM100.00 bagi setiap lot. Caj minimum bagi pelan prahitungan ialah RM3,000.00 bagi setiap kerja. Mana-mana kerja yang memerlukan penggunaan tanda rujukan kadaster berdasarkan penentududukan titik dengan satelit, caj tambahan akan dikenakan sebagaimana yang disenaraikan dalam Susunan XI (tidak termasuk caj asas);
- (d) caj bagi peletakan tanda sempadan baharu ialah RM20.00 bagi setiap tanda yang ditanam. Caj bagi pengukuran peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM500.00 untuk setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;
- (e) caj bagi pengukuran setiap lot bagi maksud:

<i>Saiz lot</i>	<i>Maksud kediaman bagi setiap lot (RM)</i>	<i>Maksud komersial bagi setiap lot (RM)</i>	<i>Maksud industri bagi setiap lot (RM)</i>
-----------------	---	--	---

- (i) kediaman dan komersial:

sehingga 100 meter persegi	530.00	890.00
melebihi 100 meter persegi hingga 200 meter persegi	800.00	960.00

<i>Saiz lot</i>	<i>Maksud kediaman bagi setiap lot (RM)</i>	<i>Maksud komersial bagi setiap lot (RM)</i>	<i>Maksud industri bagi setiap lot (RM)</i>
bagi setiap tambahan 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya melebihi 200 meter persegi yang pertama	25.00	30.00	
(ii) industri:			
sehingga 2,000 meter persegi	-	-	2,050.00
bagi setiap tambahan 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya melebihi 2,000 meter persegi yang pertama	-	-	38.00
(iii) caj bagi pengukuran garis untuk azimut, sambungan, kawalan dan untuk penyambungan petak tanah kepada sempadan lot dan antara satu sama lain	6.00 bagi setiap meter	7.00 bagi setiap meter	7.50 bagi setiap meter

	<i>Saiz lot</i>	<i>Maksud kediaman bagi setiap lot (RM)</i>	<i>Maksud komersial bagi setiap lot (RM)</i>	<i>Maksud industri bagi setiap lot (RM)</i>
(iv)	caj bagi pengukuran untuk menentukan penghujung sempadan dinding dua tuan bagi lot atas tanah bagi bangunan atau bagi petak tanah	390.00 bagi setiap dinding	470.00 bagi setiap dinding	525.00 bagi setiap dinding
(v)	caj bagi pengukuran pemancangan blok bagi sudut-sudut blok yang tidak melebihi 16 lot dengan pancang kayu	2,210.00 bagi setiap blok	2,640.00 bagi setiap blok	3,150.00 bagi setiap blok
(vi)	caj bagi pengukuran untuk pemancangan setiap lot dengan pancang kayu	65% daripada butiran (i) hingga (iii)	65% daripada butiran (i) hingga (iii)	65% daripada butiran (i) hingga (iii)
(vii)	caj bagi pengukuran pengesahan dan perakuan "seperti binaan"	80% daripada butiran (i) hingga (iii) jika terpakai, ditambah	80% daripada butiran (i) hingga (iii) jika terpakai ditambah	80% daripada butiran (i) hingga (iii) jika terpakai ditambah

<i>Saiz lot</i>	<i>Maksud kediaman bagi setiap lot (RM) caj perakuan sebanyak RM3,800.00</i>	<i>Maksud komersial bagi setiap lot (RM) caj perakuan sebanyak RM3,800.00</i>	<i>Maksud industri bagi setiap lot (RM) caj perakuan sebanyak RM3,800.00</i>
(viii) caj bagi mengambil offset ciri-ciri kekal dan menentukan ketinggian titik bagi kadaster pelbagai guna	80% daripada butiran (i) hingga (iii)	80% daripada butiran (i) hingga (iii)	80% daripada butiran (i) hingga (iii)

- (f) caj bagi pengemukaan dalam format digital yang melibatkan pemprosesan data, pengurusan maklumat, jaminan kualiti, pematuhan kehendak peraturan dan persekitaran elektronik kerajaan yang wujud hendaklah 20% daripada caj di bawah subperenggan 3(c), (d) dan (e), jika terpakai;
- (g) caj bagi kehadiran, bayaran balik dan untuk menyediakan pelan dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah sebagaimana yang diperuntukkan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN II

Pengukuran untuk pecah bahagi bangunan atau tanah

Susunan ini memperuntukkan fi bagi pecah bahagi bangunan atau tanah untuk pengeluaran hakmilik strata dan penetapan had harta bersama di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*].

1. Caj bagi perundingan profesional ialah 10% daripada caj di bawah perenggan 2 hingga 12 dalam Susunan ini, jika terpakai.
2. Caj bagi permohonan jadual petak yang dicadangkan sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 6 Akta Pengurusan Strata 2013 [*Akta 757*].

<i>Skop</i>	<i>Maksud kediaman</i>	<i>Maksud lain</i>
(a) Penyediaan jadual petak	RM100.00 bagi setiap petak (maksimum RM 10,000.00)	RM100.00 bagi setiap petak (maksimum RM 10,000.00)
(b) Menentukan hak unit syer dan hitungan formula unit syer	RM150.00 bagi setiap petak	RM180.00 bagi setiap petak
	RM80.00 bagi setiap petak aksesori	RM100.00 bagi setiap petak aksesori
(c) Perakuan formula unit syer (SiFUS)	RM100.00 bagi setiap petak (maksimum RM 10,000.00)	RM100.00 bagi setiap petak (maksimum RM 10,000.00)

3. Caj bagi penentuan kuantum unit syer sementara ialah RM5,000.00 bagi setiap blok.
4. Caj bagi perakuan bangunan/skim strata bertanah yang boleh dipecah bahagi, jika terpakai:
 - (a) bangunan kos rendah yang diperakui: RM2,000.00 bagi setiap perakuan;
 - (b) kediaman: RM5,000.00 bagi setiap perakuan untuk setiap bangunan/strata bertanah; dan
 - (c) maksud lain: RM10,000.00 bagi setiap perakuan untuk setiap bangunan/strata bertanah.
5. Caj bagi penyediaan pelan yang dilampirkan kepada perjanjian jual beli ialah RM50.00 bagi setiap petak dan RM30.00 bagi setiap aksesori petak.
6. Caj bagi penyediaan semula pelan berikutan pindaan lanjut kepada pelan bangunan hendaklah mengandungi 50% daripada caj di bawah perenggan 2, 3, 4 dan 5.
7. Caj bagi perakuan pengukuran tanah sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 9(a) Akta Hakmilik Strata 1985 adalah seperti yang berikut:

<i>Keluasan</i>	<i>Kadar</i>
(a) 200 meter persegi dan ke bawah	RM3,500.00
(b) bagi kawasan tambahan melebihi 200 meter persegi	RM2.60 bagi setiap meter persegi
(c) fi perakuan	RM3,500.00

8. Caj bagi pecah bahagi bangunan atau tanah termasuklah pecah bahagi dan penyatuan petak atau petak tanah dan penetapan had harta bersama adalah seperti yang berikut:

<i>(a)</i> <i>Keluasan petak atau petak tanah atau blok sementara</i>	<i>Maksud Kediaman (RM)</i>	<i>Maksud Lain (RM)</i>
(i) sehingga 100 meter persegi	550.00 bagi setiap petak	825.00 bagi setiap petak
(ii) melebihi 100 meter persegi hingga 200 meter persegi	1,220.00 bagi setiap petak	1,765.00 bagi setiap petak
(iii) bagi mana-mana keluasan tambahan melebihi 200 meter persegi pertama	6.80 bagi setiap meter persegi	9.50 bagi setiap meter persegi
(iv) mana-mana harta bersama atau sebahagian daripadanya yang perlu diukur untuk ditunjukkan atas pelan atau pelan khas	RM5.50 bagi setiap meter persegi	RM5.50 bagi setiap meter persegi
<i>(b)</i> caj bagi pengukuran garis untuk azimut, sambungan dan kawalan dan untuk sambungan petak tanah atau blok sementara ke sempadan lot dan antara satu sama lain	RM6.00 bagi setiap meter	

- (c) caj bagi pengukuran untuk menentukan sempadan dinding dua tuan bagi petak tanah RM390.00 bagi setiap dinding
- (d) caj bagi pengukuran seperti binaan bangunan dalam kawasan petak tanah RM500.00 bagi setiap bangunan
- (e) caj bagi pengukuran petak aksesori adalah seperti yang berikut:

<i>Keluasan</i>	<i>Maksud kediaman (RM)</i>	<i>Maksud lain (RM)</i>
(i) sehingga 100 meter persegi	300.00 bagi setiap petak	350.00 bagi setiap petak
(ii) melebihi 100 meter persegi hingga 200 meter persegi	630.00 bagi setiap petak	750.00 bagi setiap petak
(iii) bagi mana-mana keluasan tambahan melebihi 200 meter persegi pertama	4.00 bagi setiap meter persegi	5.60 bagi setiap meter persegi

9. Caj bagi pengukuran semula petak, petak aksesori dan penyediaan semula pelan berikutan pindaan lanjutan kepada pelan bangunan hendaklah mengandungi tambahan 50% daripada caj di bawah perenggan 2, 3, 4, 5, 6, 7 dan 8.

10. Blok sementara:

- (a) hitungan dan penyediaan pelan untuk memastikan bahawa blok sementara adalah dalam kawasan lot ialah RM800.00 bagi setiap blok;

(b) caj pengukuran untuk blok sementara hendaklah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Susunan I. Blok sementara yang dinyatakan dianggap setara dengan suatu lot sebagaimana dalam Susunan I.

11. Pengukuran tanah dan bangunan sedia ada bagi penyediaan pelan bangunan adalah seperti yang berikut:

(a) caj bagi pengukuran tanah (subperenggan 7(a) dan 7(b) termasuklah membuat pengukuran Susunan II) ciri-ciri pembinaan tetap yang terdapat di kaki setiap bangunan

(b) caj bagi pengukuran bangunan sedia ada adalah seperti yang berikut:

<i>Keluasan lantai kasar setiap bangunan</i>	<i>Kadar</i>
--	--------------

(i) 300 meter persegi dan ke bawah	RM2,000.00
------------------------------------	------------

(ii) mana-mana keluasan tambahan melebihi 300 meter persegi	RM10.00 bagi setiap meter persegi
---	-----------------------------------

(c) fi perakuan	RM4,000.00
-----------------	------------

12. Caj bagi peletakan semula tanda sempadan baharu ialah RM20.00 bagi setiap tanda yang ditanam. Caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM500.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti.

13. Caj bagi pengemukaan dalam format digital yang melibatkan pemprosesan data, pengurusan maklumat, jaminan kualiti, pmatuhan kehendak peraturan dan

persekitaran elektronik kerajaan yang wujud hendaklah 20% daripada caj di bawah perenggan 2, 3, 4, 6, 8, 9, 10 dan 12, subperenggan 7(a), 7(b), 11(a) dan 11(b).

14. Bagi bangunan dengan perakuan kos rendah, pengurangan sebanyak 15% daripada caj yang dinyatakan dalam perenggan 1 hingga 13 terpakai.
15. Caj bagi kehadiran, bayaran balik dan untuk menyediakan pelan dan cetakan, jika terpakai, adalah sebagaimana yang diperuntukkan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN III

Pengukuran tanah untuk pertanian

1. Susunan ini memperuntukkan fi untuk pengukuran tanah bagi maksud pertanian termasuklah tanah bagi maksud akuakultur atau pengukuran untuk pecah sempadan, penyatuan dan pecah bahagian.
2. Fi ukur yang boleh dikenakan bagi maksud pertanian di bawah Susunan ini bagi setiap kerja adalah seperti yang berikut:

(a) caj asas bagi setiap kerja ialah RM2,600.00;

(b) caj bagi perundingan profesional ialah 10% daripada caj di bawah subperenggan 2(c), (d), (e) dan (f), jika terpakai;

(c) caj bagi penyediaan pelan prahitungan atau pelan penyempadanan ialah RM100.00 bagi setiap lot. Caj minimum bagi pelan prahitungan ialah RM3,000.00 bagi setiap kerja. Mana-mana kerja yang memerlukan penggunaan tanda rujukan kadaster berdasarkan penentududukan titik dengan satelit, fi tambahan akan dicaj sebagaimana yang disenaraikan dalam Susunan XI (tidak termasuk caj asas);

(d) caj bagi peletakan semula tanda sempadan baharu ialah RM50.00 bagi setiap tanda yang ditanam. Caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM500.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;

(e) caj bagi pengukuran setiap lot:

	<i>Saiz lot</i>	<i>Caj bagi setiap setiap lot (RM)</i>
(i)	Lot kurang daripada 0.5 hektar	740.00
(ii)	Lot 0.5 hektar tetapi kurang daripada 2.5 hektar	1,660.00
(iii)	Lot 2.5 hektar tetapi kurang daripada 5.0 hektar	2,350.00
(iv)	Lot 5.0 hektar tetapi kurang daripada 10.0 hektar	7,800.00
(v)	Lot 10.0 hektar tetapi kurang daripada 15.0 hektar	9,600.00
(vi)	Lot 15.0 hektar tetapi kurang daripada 20.0 hektar	11,200.00
(vii)	Lot 20.0 hektar tetapi kurang daripada 25.0 hektar	12,500.00
(viii)	Lot 25.0 hektar tetapi kurang daripada 30.0 hektar	13,780.00

	<i>Saiz lot</i>	<i>Caj bagi setiap setiap lot (RM)</i>
(ix)	Lot 30.0 hektar tetapi kurang daripada 35.0 hektar	14,900.00
(x)	Lot 35.0 hektar tetapi kurang daripada 40.0 hektar	15,950.00
(xi)	Lot 40.0 hektar tetapi kurang daripada 45.0 hektar	16,980.00
(xii)	Lot 45.0 hektar tetapi kurang daripada 50.0 hektar	17,850.00
(xiii)	Bagi setiap tambahan 1 hektar atau sebahagian daripadanya melebihi 50 hektar pertama	260.00 bagi setiap hektar
<i>(f)</i> caj bagi pengukuran garis untuk azimuth, sambungan, kawalan dan pengukuran minimum ialah RM7.00 bagi setiap meter;		
<i>(g)</i> caj bagi pengemukaan dalam format digital yang melibatkan pemprosesan data, pengurusan maklumat, jaminan kualiti, pematuhan kehendak peraturan dan persekitaran elektronik kerajaan yang wujud hendaklah 20% daripada caj di bawah subperenggan 2(c), (d), (e) dan (f);		
<i>(h)</i> di dalam kawasan larangan atau berisiko:		
(i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa berkenaan, caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah subperenggan 2(a), (b), (d), (e) dan (f) terpakai; atau		

- (ii) jika pengiring diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan, caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah subperenggan 2(a), (b), (d), (e) dan (f) terpakai; dan
- (iii) jika terdapatnya waktu menunggu selepas mobilisasi, caj tambahan sebanyak RM2,600.00 bagi satu pasukan sehari hendaklah terpakai;
- (i) caj di bawah Susunan ini terpakai apabila tapak kerja pengukuran adalah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi 1 kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut:

<i>Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan bermotor</i>	<i>Caj</i>
0 kilometer hingga 1 kilometer	tiada caj tambahan
melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer	tambahan 20% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (d), (e) dan (f)
melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer	tambahan 40% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (d), (e) dan (f)
melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (d), (e) dan (f)

- (j) caj bagi kehadiran, bayaran balik dan untuk menyediakan pelan dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah sebagaimana yang diperuntukkan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.
3. Fi ukur yang boleh dikenakan bagi akuakultur dan maksud lain yang serupa di bawah Susunan ini bagi setiap kerja adalah seperti yang berikut:

- (a) caj asas bagi setiap kerja ialah RM2,600.00;

- (b) caj bagi perundingan profesional ialah 10% daripada caj di bawah subperenggan 3(c), (d) dan (e), jika terpakai;
- (c) caj bagi penyediaan pelan prahitungan atau pelan penyempadanan ialah RM100.00 setiap lot bagi lot kurang daripada 2 hektar. Bagi lot yang lebih besar daripada 2 hektar bagi setiap lot, tambahan RM50.00 dikenakan untuk tiap-tiap tambahan hektar atau sebahagian daripadanya. Syarat ini adalah tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM3,000.00 bagi setiap kerja. Mana-mana kerja yang memerlukan penggunaan tanda rujukan kadaster berdasarkan penentududukan titik dengan satelit, caj tambahan akan dicaj sebagaimana yang disenaraikan dalam Susunan XI (tidak termasuk caj asas);
- (d) caj bagi menerabas kawasan pasang surut atau kawasan berpayah termasuklah sambungan untuk azimut, sambungan dan kawalan ialah RM20.00 bagi setiap meter. Bagi keluasan lain rujuk kepada subperenggan 2(f) Susunan III;
- (e) caj bagi peletakan semula tanda sempadan baharu ialah RM50.00 bagi setiap tanda yang ditanam. Caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah pada kadar RM500.00 untuk setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;
- (f) caj bagi pengemukaan dalam format digital yang melibatkan pemprosesan data, pengurusan maklumat, jaminan kualiti, pematuhan kehendak peraturan dan persekitaran elektronik kerajaan yang wujud hendaklah 20% daripada caj di bawah subperenggan 3(c), (d) dan (e);
- (g) di dalam kawasan larangan atau berisiko:
 - (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa berkenaan, caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah subperenggan 2(a), (d) dan (e) terpakai; atau

- (ii) jika pengiring diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan, caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah subperenggan 2(a), (d) dan (e) terpakai; dan
- (iii) jika terdapatnya waktu menunggu selepas mobilisasi, caj tambahan sebanyak RM2,600.00 bagi satu pasukan sehari hendaklah terpakai;
- (h) caj di bawah Susunan ini terpakai apabila tapak kerja pengukuran adalah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi 1 kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut:

<i>Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan bermotor</i>	<i>Caj</i>
0 kilometer hingga 1 kilometer	tiada caj tambahan
melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer	tambahan 20% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (d) dan (e)
melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer	tambahan 40% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (d) dan (e)
melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (d) dan (e)

- (i) caj bagi kehadiran, bayaran balik dan untuk menyediakan pelan dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah sebagaimana yang diperuntukkan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN IV

Pengukuran tanah untuk perlombongan

1. Susunan ini memperuntukkan fi untuk pengukuran tanah untuk perlombongan yang akan dijalankan mengikut piawaian yang mencukupi untuk pengeluaran pajakan melombong. Susunan ini juga terpakai bagi pengukuran tanah untuk kuari dan maksud lain yang serupa.
2. Fi ukur yang boleh dikenakan di bawah Susunan ini untuk setiap kerja adalah seperti yang berikut:
 - (a) caj asas bagi setiap kerja ialah RM2,600.00;
 - (b) caj bagi perundingan profesional ialah 10% daripada caj di bawah subperenggan 2(c), (d), (f), (g) dan (i), jika terpakai;
 - (c) caj bagi penyediaan pelan prahitungan atau pelan penyempadanan ialah RM100.00 setiap lot bagi lot kurang daripada 2 hektar. Bagi lot yang lebih besar daripada 2 hektar bagi setiap lot, caj tambahan sebanyak RM50.00 dikenakan bagi tiap-tiap tambahan hektar atau sebahagian daripadanya. Syarat ini adalah tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM3,000.00 bagi setiap kerja. Mana-mana kerja yang memerlukan penggunaan tanda rujukan kadaster berdasarkan penentududukan titik dengan satelit, caj tambahan akan dicaj sebagaimana yang disenaraikan dalam Susunan XI (tidak termasuk caj asas);
 - (d) kadar yang terpakai untuk pengukuran bagi pajakan melombong adalah seperti yang berikut:

	<i>Saiz lot</i>	<i>Caj bagi setiap lot (RM)</i>
(i)	4 hektar pertama	9,800.00
(ii)	6 hektar pertama	11,300.00
(iii)	8 hektar pertama	12,700.00
(iv)	10 hektar pertama	14,120.00
(v)	12 hektar pertama	15,430.00
(vi)	14 hektar pertama	16,740.00
(vii)	16 hektar pertama	18,060.00
(viii)	18 hektar pertama	19,380.00
(ix)	20 hektar pertama	20,820.00
(x)	25 hektar pertama	22,280.00
(xi)	30 hektar pertama	23,620.00
(xii)	35 hektar pertama	24,850.00
(xiii)	40 hektar pertama	25,960.00
(xiv)	45 hektar pertama	27,080.00
(xv)	50 hektar pertama	28,320.00

<i>Saiz lot</i>	<i>Caj bagi setiap lot (RM)</i>
(xvi) bagi setiap tambahan 1 hektar atau sebahagian daripadanya yang melebihi 50 hektar pertama	390.00 bagi setiap hektar
(e) bagi mana-mana keluasan yang terletak antara mana-mana dua keluasan yang tersenarai di bawah subperenggan 2(d), kadar caj hendaklah dikira mengikut perkadaran;	
(f) caj bagi pengukuran garis untuk azimut, sambungan dan kawalan ialah RM6.00 bagi setiap meter;	
(g) jika sijil melombong diperlukan, fi untuk lukisan dan bekalan salinan pelan ke Jabatan Ukur dan Pemetaan untuk dikepilkan dengan borang sijil melombong ialah RM1,300.00 bagi setiap pelan sijil melombong;	
(h) jika tanah diluluskan untuk diukur melebihi satu lot yang dipisahkan secara fizikal di atas tanah oleh tanah bermilik, tanah rizab atau tanah Negeri, fi untuk pengukuran lot itu hendaklah dikira bagi setiap lot;	
(i) caj bagi peletakan semula tanda sempadan baharu ialah RM50.00 bagi setiap tanda yang ditanam. Caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM500.00 untuk setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti.	
(j) caj bagi pengemukaan dalam format digital yang melibatkan pemprosesan data, pengurusan maklumat, jaminan kualiti, pematuhan kehendak peraturan dan persekitaran elektronik kerajaan yang wujud hendaklah 20% daripada caj di bawah subperenggan 2(c), (d), (f) dan (i) terpakai;	

(k) di dalam kawasan larangan atau berisiko:

- (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa berkenaan, caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah subperenggan 2(a), (d), (f) dan (i) terpakai; atau
- (ii) jika pengiring diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan, caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah subperenggan 2(a), (d), (f) dan (i) terpakai; dan
- (iii) jika terdapatnya waktu menunggu selepas mobilisasi, caj tambahan sebanyak RM2,600.00 bagi satu pasukan sehari hendaklah terpakai;

(l) caj di bawah Susunan ini terpakai apabila tapak kerja ukur adalah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi 1 kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut:

<i>Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan bermotor</i>	<i>Caj</i>
0 kilometer hingga 1 kilometer	tiada caj tambahan
melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer	tambahan 20% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (d), (f) dan (i)
melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer	tambahan 40% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (d), (f) dan (i)
melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (d), (f) dan (i)

- (m) caj bagi kehadiran, bayaran balik dan untuk menyediakan pelan dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah sebagaimana yang diperuntukkan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN V

Pengukuran bawah tanah

1. Susunan ini memperuntukkan fi untuk pengukuran bagi hakmilik stratum dan pengukuran bawah tanah yang lain.
2. Fi ukur yang boleh dikenakan di bawah Susunan ini bagi setiap kerja adalah seperti yang berikut:

(a) caj asas bagi setiap kerja ialah RM2,600.00;

(b) caj bagi perundingan profesional ialah 10% daripada caj di bawah subperenggan 2(c), (d), (e), (f) dan (g), jika terpakai;

(c) caj bagi penyediaan pelan prahitungan atau pelan penyempadanan ialah RM1,000.00 bagi setiap lot bagi lot kurang daripada 3,000 meter padu. Bagi lot yang lebih besar daripada 3,000 meter padu, caj tambahan sebanyak RM400.00 dikenakan bagi tiap-tiap tambahan 100 meter padu atau sebahagian daripadanya. Syarat ini adalah tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM3,000.00 bagi setiap kerja. Mana-mana kerja yang memerlukan penggunaan tanda rujukan kadaster berdasarkan penentududukan titik dengan satelit, caj tambahan akan dicaj sebagaimana yang disenaraikan dalam Susunan XI (tidak termasuk caj asas);

(d) caj bagi pengukuran di atas permukaan tanah adalah seperti yang berikut:

(i) kawalan planimetri dan sambungan ialah RM6.00 bagi setiap meter;

- (ii) caj bagi peletakan semula tanda sempadan baharu ialah RM20.00 bagi setiap tanda yang ditanam. Caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM500.00 untuk setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;
 - (iii) caj bagi pengukuran bagi setiap lot adalah sebagaimana di bawah subperenggan 3(e) Susunan I;
 - (iv) caj bagi pengukuran sambungan ketinggian dan kawalan ialah RM1,450.00 bagi setiap kilometer;
 - (v) caj bagi pengukuran topografi adalah berdasarkan skala fi untuk ukur kejuruteraan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.
- (e) caj bagi pengukuran utiliti bawah tanah menggunakan sistem pengesanan adalah seperti yang berikut:

<i>Keluasan</i>	<i>Pengesanan kedalaman sehingga 3 meter</i>	<i>Pengesanan kedalaman antara 3 – 5 meter</i>	<i>Pengesanan kedalaman sebanyak 5 meter ke bawah</i>
(i) tidak melebihi 100 meter persegi	RM1,400.00	RM1,800.00	diperuntukkan di bawah subperenggan 2(c) Susunan XIII
(ii) mana-mana keluasan tambahan melebihi 100 meter persegi	RM15.00 bagi setiap meter persegi	RM20.00 bagi setiap meter persegi	diperuntukkan di bawah subperenggan 2(c) Susunan XIII

- (f) caj bagi pengukuran bawah tanah bagi pengeluaran hakmilik stratum adalah seperti yang berikut:
- (i) bagi pemindahan datum planimetri kepada suatu kedalaman tidak melebihi 10 meter di bawah kedudukan tanda rujukan kadaster di tapak, cajnya ialah RM4,600.00. Bagi tiap-tiap tambahan kedalaman sebanyak 3 meter atau sebahagian daripadanya di bawah 10 meter, caj tambahan sebanyak 10% dikenakan;
 - (ii) bagi pemindahan datum ketinggian ke suatu kedalaman tidak melebihi 10 meter di bawah kedudukan tanda rujukan ketinggian di tapak, cajnya ialah RM6,900.00. Bagi tiap-tiap tambahan perbezaan ketinggian sebanyak 3 meter atau sebahagian daripadanya di bawah 10 meter, caj tambahan sebanyak 10% hendaklah dikenakan;
 - (iii) bagi pengukuran seperti binaan struktur bawah tanah, caj ialah dua kali kadar dalam perenggan 11 Susunan II.
- (g) caj bagi pembinaan tanda rujukan ketinggian ialah RM750.00 bagi setiap tanda;
- (h) caj bagi pengemukaan dalam format digital yang melibatkan pemprosesan data, pengurusan maklumat, jaminan kualiti, pematuhan kehendak peraturan dan persekitaran elektronik kerajaan yang wujud hendaklah 20% daripada caj di bawah subperenggan 2(c), (d), (e) dan (f);
- (i) caj bagi kehadiran, bayaran balik dan untuk menyediakan pelan dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah sebagaimana yang diperuntukkan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN VI

Pengukuran untuk penyatuan lot

1. Susunan ini memperuntukkan fi bagi pengukuran untuk penyatuan lot.
2. Fi ukur yang boleh dikenakan di bawah Susunan ini bagi setiap kerja adalah seperti yang berikut:

(a) jika pelan diperakui dilukis dengan menggunakan data daripada pelan diperakui atau hakmilik sedia ada:

RM150.00 bagi setiap garisan sempadan tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM1,700.00 bagi setiap kerja. Bagi maksud caj minimum ini, dua atau lebih penyatuan lot yang dimiliki oleh pemilik yang sama atau pemilik bersama hendaklah dikira sebagai satu kerja dengan syarat bahawa kelulusan untuk penyatuan telah diberikan pada masa yang sama dan pengukuran dibuat pada masa yang sama;

(b) caj bagi perundingan profesional ialah 10% daripada caj di bawah subperenggan 2(a) dan (c), jika terpakai;

(c) jika kerja lapangan diperlukan, fi ukur hendaklah dicaj sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Susunan I dan Susunan III;

(d) caj bagi pengemukaan dalam format digital yang melibatkan pemprosesan data, pengurusan maklumat, jaminan kualiti, pematuhan kehendak peraturan dan persekitaran elektronik kerajaan yang wujud hendaklah 20% daripada caj di bawah subperenggan 2(a) dan (c);

(e) caj bagi kehadiran, bayaran balik dan untuk menyediakan pelan dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah sebagaimana yang diperuntukkan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN VII

Pengukuran tanah bagi maksud khusus

1. Susunan ini memperuntukkan fi untuk pengukuran tanah bagi maksud yang tidak dirangkumi di bawah Susunan I hingga V seperti tanah untuk hutan simpan, rizab hidupan liar, kawasan perlindungan hidupan liar, taman negara, padang ragut atau rizab lain yang serupa.
2. Fi ukur yang boleh dikenakan di bawah Susunan ini bagi setiap kerja adalah seperti yang berikut:
 - (a) caj asas bagi setiap kerja ialah RM2,600.00;
 - (b) caj perundingan profesional ialah 10% daripada caj di bawah subperenggan 2(c), (d) dan (e), jika terpakai;
 - (c) caj bagi penyediaan pelan prahitungan atau pelan penyempadanan ialah RM100.00 setiap lot bagi lot kurang daripada 2 hektar. Bagi lot yang lebih besar daripada 2 hektar bagi setiap lot, caj tambahan sebanyak RM50.00 dikenakan bagi tiap-tiap tambahan hektar atau sebahagian daripadanya. Syarat ini adalah tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM3,000.00 bagi setiap kerja. Mana-mana kerja yang memerlukan penggunaan tanda rujukan kadaster berdasarkan penentududukan titik dengan satelit, caj tambahan akan dikenakan sebagaimana yang disenaraikan dalam Susunan XI (tidak termasuk caj asas);
 - (d) caj bagi menerabas, termasuk sambungan untuk azimuth, sambungan dan kawalan ialah RM10.50 bagi setiap meter;
 - (e) caj bagi peletakan semula tanda sempadan baharu ialah RM100.00 bagi setiap tanda yang ditanam. Caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah pada kadar RM500.00 untuk setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;

(f) caj bagi pengemukaan dalam format digital yang melibatkan pemprosesan data, pengurusan maklumat, jaminan kualiti, pematuhan kehendak peraturan dan persekitaran elektronik kerajaan yang wujud hendaklah 20% daripada caj di bawah subperenggan 2(c), (d) dan (e);

(g) di dalam kawasan larangan atau berisiko:

- (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa berkenaan, caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah subperenggan 2(a), (d) dan (e) terpakai; atau
- (ii) jika pengiring diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan, caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah subperenggan 2(a), (d) dan (e) adalah terpakai; dan
- (iii) jika terdapatnya waktu menunggu selepas mobilisasi, caj tambahan sebanyak RM2,600.00 bagi satu pasukan sehari hendaklah dipakai.

(h) caj di bawah Susunan ini terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi 1 kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut:

<i>Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan bermotor</i>	<i>Caj</i>
0 kilometer hingga 1 kilometer	tiada caj tambahan
melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer	tambahan 20% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (d) dan (e)

melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer	tambahan 40% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (d) dan (e)
---	---

melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (d) dan (e)
-----------------------	---

(i) caj bagi kehadiran, bayaran balik dan untuk menyediakan pelan dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah sebagaimana yang diperuntukkan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN VIII

Pengukuran bagi maksud pengambilan balik tanah

1. Susunan ini memperuntukkan fi untuk pengukuran tanah yang telah diambil balik di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 [*Akta 486*].
2. Fi pengukuran yang boleh dicaj di bawah Susunan ini adalah seperti yang berikut:
 - (a) untuk pengukuran bahagian yang telah diambil balik, fi yang dikenakan hendaklah mengikut Susunan yang bersesuaian dengan kategori kegunaan tanah yang ia diambil balik;
 - (b) untuk baki bahagian, fi yang dikenakan hendaklah mengikut Susunan yang bersesuaian dengan kategori kegunaan tanah;
 - (c) jika ukuran melibatkan penyusunan daripada data ukur sedia ada, fi yang dikenakan ialah RM150.00 bagi setiap garisan sempadan sebagaimana yang

diperuntukkan di bawah subperenggan 2(a) Susunan VI tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM1,700.00;

- (d) jika tiada tanda rujukan kadaster berdasarkan penentududukan titik dengan satelit tersedia semasa pengukuran, caj tambahan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Susunan XI (tidak termasuk caj asas).

SUSUNAN IX

Pengukuran sempadan pentadbiran

1. Susunan ini memperuntukkan fi untuk pengukuran sempadan negeri, daerah, mukim, bandar dan desa.
2. Fi ukur bagi sempadan negeri yang boleh dikenakan di bawah Susunan ini bagi setiap kerja adalah seperti yang berikut:

(a) caj asas bagi setiap kerja ialah RM2,600.00;

(b) caj bagi perundingan profesional ialah 10% daripada caj di bawah subperenggan 2(c), (d), (e), (f), (g), (h), (i) dan (j), jika terpakai;

(c) caj bagi menerabas termasuk sambungan untuk azimut, sambungan dan kawalan ialah RM20.00 bagi setiap meter;

(d) caj bagi peletakan semula tanda sempadan baharu ialah RM100.00 bagi setiap tanda yang ditanam. Caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM500.00 untuk setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;

- (e) caj bagi ukur kawalan ialah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Susunan X (terabas kawalan) atau Susunan XI (penentududukan titik dengan satelit) atau kedua-duanya bergantung kepada keperluan;
- (f) caj bagi pengukuran jalur dengan butiran dan kontur yang melibatkan sempadan tanah ialah RM15,100.00 bagi setiap kilometer dengan kelebaran koridor maksimum 20 meter. Bagi kelebaran koridor lebih lebar daripada 20 meter, fi yang dikenakan hendaklah berkadaran dengan pertambahan dalam kelebaran;
- (g) caj bagi pengukuran jalur dengan butiran dan kontur yang melibatkan sempadan sungai ialah RM16,300.00 bagi setiap kilometer, dengan menerabas pada satu sisi sungai dan mengumpul butiran untuk kedua-dua tebing sungai;
- (h) caj bagi menentukan cadangan sempadan negeri ialah RM260.00 bagi setiap kilometer;
- (i) caj bagi pengukuran muktamad sempadan negeri ialah RM10.00 bagi setiap meter;
- (j) caj bagi pembinaan monumen yang serupa dengan tanda jenis C Jabatan Ukur dan Pemetaan ialah RM800.00 bagi setiap monumen;
- (k) caj bagi pengemukaan dalam format digital yang melibatkan pemprosesan data, pengurusan maklumat, jaminan kualiti, pematuhan kehendak, peraturan dan persekitaran elektronik kerajaan yang wujud hendaklah 20% daripada caj di bawah subperenggan 2(c), (d), (e), (f), (g), (h) dan (i);
- (l) di dalam kawasan larangan atau berisiko:
 - (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa berkenaan, caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di

bawah subperenggan 2(a), (c), (d), (e), (f), (g), (h), (i) dan (j) adalah terpakai; atau

- (ii) jika pengiring diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan, caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah subperenggan 2(a), (c), (d), (e), (f), (g), (h), (i) dan (j) terpakai; dan
 - (iii) jika terdapat waktu menunggu selepas mobilisasi, caj tambahan sebanyak RM2,600.00 bagi satu pasukan sehari hendaklah terpakai;
- (m) caj di atas terpakai apabila tapak kerja ukur adalah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi 1 kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut:

<i>Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan bermotor</i>	<i>Caj</i>
0 kilometer hingga 1 kilometer	tiada caj tambahan
melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer	tambahan 20% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (c), (d), (e), (f), (g), (i) dan (j)
melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer	tambahan 40% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (c), (d), (e), (f), (g), (i) dan (j)
melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (c), (d), (e), (f), (g), (i) dan (j)

- (n) caj bagi kehadiran, bayaran balik dan untuk menyediakan pelan dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah sebagaimana yang diperuntukkan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.
3. Fi ukur untuk pengukuran sempadan daerah, mukim, bandar dan desa yang boleh dikenakan di bawah Susunan ini bagi setiap kerja adalah seperti yang berikut:
- (a) caj asas bagi setiap kerja ialah RM2,600.00;
- (b) caj bagi perundingan profesional ialah 10% daripada caj di bawah subperenggan 2(c) dan (d), jika terpakai;
- (c) caj bagi menerabas termasuklah sambungan untuk azimuth, sambungan dan kawalan ialah RM12.00 bagi setiap meter;
- (d) caj bagi peletakan semula tanda sempadan baharu ialah RM100.00 bagi setiap tanda yang ditanam. Caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM500.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti;
- (e) caj bagi pengemukaan dalam format digital yang melibatkan pemprosesan data, pengurusan maklumat, jaminan kualiti, pematuhan kehendak peraturan dan persekitaran elektronik kerajaan yang wujud 20% daripada caj di bawah subperenggan 2(c) dan (d);
- (f) di dalam kawasan larangan atau berisiko:
- (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa berkenaan, caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah subperenggan 2(a), (c) dan (d) terpakai; atau

- (ii) jika pengiring diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan, caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah subperenggan 2(a), (c) dan (d) terpakai; dan
- (iii) jika terdapatnya waktu menunggu selepas mobilisasi, caj tambahan sebanyak RM2,600.00 bagi satu pasukan sehari hendaklah terpakai.
- (g) caj di bawah Susunan ini terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi 1 kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut:

*Jarak ke tapak kerja dari jalan
kenderaan bermotor*

Caj

0 kilometer to 1 kilometer

tiada caj tambahan

melebihi 1 kilometer tetapi tidak
melebihi 5 kilometer

tambahan 20% kepada caj
di bawah subperenggan 2(a), (c)
dan (d)

melebihi 5 kilometer tetapi tidak
melebihi 10 kilometer

tambahan 40% kepada caj
di bawah subperenggan 2(a), (c)
dan (d)

melebihi 10 kilometer

tambahan 70% kepada caj
di bawah subperenggan 2(a), (c)
dan (d)

- (h) caj bagi kehadiran, bayaran balik dan untuk menyediakan pelan dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah sebagaimana yang diperuntukkan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN X

Terabas kawalan

1. Susunan ini memperuntukkan fi untuk terabas yang diperlukan bagi kawalan umum kadaster dan maksud lain.
2. Fi ukur yang boleh dikenakan di bawah Susunan ini bagi setiap kerja hendaklah terdiri daripada yang berikut:
 - (a) caj asas bagi setiap kerja ialah RM2,600.00;
 - (b) caj bagi perundingan profesional ialah 10% daripada caj di bawah subperenggan 2(c) dan (d), jika terpakai;
 - (c) caj bagi menerabas termasuk sambungan untuk azimuth, sambungan dan kawalan ialah RM10.00 bagi setiap meter;
 - (d) caj bagi pembinaan monumen tanda pengukuran terabas hendaklah RM800.00 bagi setiap tanda;
 - (e) caj bagi pengemukaan dalam format digital yang melibatkan pemprosesan data, pengurusan maklumat, jaminan kualiti, pematuhan kehendak peraturan dan persekitaran elektronik kerajaan yang wujud hendaklah 20% daripada caj di bawah subperenggan 2(c);
 - (f) di dalam kawasan larangan atau berisiko:
 - (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa yang berkenaan, caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah subperenggan 2(a), (c) dan (d) terpakai; atau

- (ii) jika pengiring diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah subperenggan 2(a), (c) dan (d) terpakai; dan
 - (iii) jika terdapat waktu menunggu selepas mobilisasi, caj tambahan sebanyak RM2,600.00 bagi satu pasukan sehari hendaklah terpakai;
- (g) caj terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi 1 kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut:

<i>Jarak ke tapak kerja dari jalan kenderaan bermotor</i>	<i>Caj</i>
0 kilometer to 1 kilometer	tiada caj tambahan
melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer	tambahan 20% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (c) dan (d)
melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer	tambahan 40% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (c) dan (d)
melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah subperenggan 2(a), (c) dan (d)

- (h) caj bagi kehadiran, bayaran balik dan untuk menyediakan pelan dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah sebagaimana yang diperuntukkan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN XI

Penentududukan titik dengan satelit

1. Susunan ini memperuntukkan fi untuk penentududukan titik dengan menggunakan satelit.
2. Fi ukur yang boleh dikenakan di bawah Susunan ini bagi setiap kerja adalah seperti yang berikut:

(a) caj asas bagi setiap kerja ialah RM2,600.00;

(b) caj bagi perundingan profesional ialah 10% daripada caj di bawah subperenggan 2(d), (e) dan (f), jika terpakai;

(c) caj bagi mobilisasi dan demobilisasi adalah seperti yang berikut:

<i>Jarak dari tapak kerja ke ibu pejabat</i>	<i>Bilangan hari bagi setiap pasukan</i>	<i>Caj (RM)</i>
0 kilometer hingga 150 kilometer	1	1,750.00
melebihi 150 kilometer tetapi tidak lebih daripada 300 kilometer	2	3,500.00
melebihi 300 kilometer	3	5,300.00

(d) caj bagi penentududukan bagi setiap titik ialah RM3,500.00;

- (e) caj bagi pembinaan monumen *Global Navigation Satellite System (GNSS)* yang serupa dengan tanda jenis C Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia ialah RM800.00 bagi setiap monumen;
- (f) caj bagi pembersihan tapak untuk cerapan hendaklah sebanyak RM1,200.00 bagi setiap titik. Caj yang melebihi amaun ini hendaklah berdasarkan kos sebenar;
- (g) caj bagi pengemukaan dalam format digital yang melibatkan pemprosesan data, pengurusan maklumat, jaminan kualiti, pematuhan kehendak peraturan dan persekitaran elektronik kerajaan yang wujud hendaklah 20% daripada caj di bawah subperenggan 2(d);
- (h) di dalam kawasan larangan atau berisiko:
 - (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa yang berkenaan, caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah subperenggan 2(a), (d), (e) dan (f) terpakai; atau
 - (ii) jika pengiring diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah subperenggan 2(a), (d), (e) dan (f) terpakai; dan
 - (iii) jika terdapat waktu menunggu selepas mobilisasi, caj tambahan sebanyak RM2,600.00 bagi satu pasukan sehari hendaklah terpakai.
- (i) caj di bawah Susunan ini terpakai apabila tapak kerja ukur adalah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kenderaan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi 1 kilometer pertama, caj tambahan adalah seperti yang berikut:

*Jarak ke tapak kerja dari jalan
kendaraan bermotor*

Caj

0 kilometer hingga 1 kilometer

tiada caj tambahan

melebihi 1 kilometer tetapi tidak lebih
daripada 5 kilometer

tambahan 20% kepada caj
di bawah subperenggan 2(a),
(d), (e), dan (f)

melebihi 5 kilometer tetapi tidak lebih
daripada 10 kilometer

tambahan 40% kepada caj
di bawah subperenggan 2(a),
(d), (e), dan (f)

melebihi 10 kilometer

tambahan 70% kepada caj
di bawah subperenggan 2(a),
(d), (e), dan (f)

(j) caj bagi kehadiran, bayaran balik dan untuk menyediakan pelan dan cetakan tambahan, jika terpakai adalah sebagaimana yang diperuntukkan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.

SUSUNAN XII

Kehadiran

1. Susunan ini memperuntukkan caj bagi lawatan tapak, kehadiran di mahkamah dan kehadiran lain yang serupa oleh juruukur tanah berlesen.
2. Fi yang boleh dikenakan di bawah Susunan ini bagi setiap kerja adalah seperti yang berikut:

- (a) caj bagi lawatan tapak, kehadiran di mesyuarat dan kehadiran lain yang serupa ialah RM2,600.00 bagi setiap hari atau RM500.00 bagi setiap jam, yang mana lebih kurang;
- (b) caj bagi kehadiran sebagai saksi pakar di mahkamah ialah RM4,800.00 setiap hari atau mana-mana bahagian daripadanya bersekali dengan caj asas sebanyak RM2,600.00 bagi setiap kes melainkan kehadiran melalui sapina oleh mahkamah, maka Aturan 38 Kaedah 22 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 hendaklah terpakai; atau
- (c) caj bagi bayaran balik adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Susunan XIII.

SUSUNAN XIII

Pembayaran balik

1. Susunan ini memperuntukkan pembayaran balik kepada juruukur tanah berlesen oleh klien bagi perbelanjaan yang ditanggung.
2. Pembayaran balik adalah seperti yang berikut:
 - (a) perbelanjaan sebenar yang ditanggung dalam pembelian dokumen yang berkenaan seperti pelan, peta, rekod dan butiran lain yang berkaitan;
 - (b) perbelanjaan sebenar yang ditanggung bagi faks, panggilan telefon, perkhidmatan pos, perkhidmatan kiriman cepat dan bentuk penghantaran lain yang berkaitan;
 - (c) caj bagi tenaga manusia tambahan, peralatan khusus, kajian yang munasabah dan pakej perisian sebagaimana yang dipersetujui dengan klien;

(d) perbelanjaan yang ditanggung bagi perjalanan, tempat penginapan dan elaun sara hidup adalah seperti yang berikut:

- | | | |
|-------|-------------------------|------------------------------|
| (i) | perjalanan | |
| | - tambang kapal terbang | kelas perniagaan |
| | - perbatuan | RM1.00 bagi setiap kilometer |
| (ii) | hotel | kos sebenar |
| (iii) | elaun sara hidup | RM200.00 bagi setiap hari |

(e) perbelanjaan yang ditanggung dalam penggunaan pengangkutan khusus seperti helikopter, bot dan cara pengangkutan lain, sebagaimana yang dipersetujui dengan klien.

SUSUNAN XIV

Menyediakan pelan dan cetakan

1. Susunan ini memperuntukkan caj untuk menyediakan pelan dengan sokongan linen dan cetakan tambahan atas permintaan klien. Caj adalah seperti yang berikut:

<i>Jenis dan saiz pelan</i>	<i>Caj bagi setiap salinan (RM)</i>
(a) kertas saiz A1 dengan sokongan linen	100.00
(b) kertas saiz A2 dengan sokongan linen	50.00
(c) cetakan kertas tambahan saiz A1 atau lebih kecil selepas 4 salinan pertama	30.00

”.

Dibuat 28 Februari 2019
[KATS/PUU 100-1/3 Jld.6; PN(PU2)165/VII]

DATO' SR MOHD NOOR BIN ISA
Pengerusi Lembaga Juruukur Tanah Malaysia

Diluluskan 28 Februari 2019
[KATS/PUU 100-1/3 Jld.6; PN(PU2)165/VII]

DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli

